

18/03/2003

PM ajak usahawan Malaysia, Brazil terokai bidang baru

Mustapa Omar

BRASILIA (Brazil): Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mengajak usahawan Malaysia dan Brazil merebut peluang perniagaan yang terbuka luas di kedua-dua negara.

Perdana Menteri berkata, tahap pembangunan ekonomi yang hampir sama menawarkan potensi besar bagi memperluaskan kerjasama, dengan kedua-dua pihak mengambil kesempatan daripada kekuatan dan pengalaman masing-masing.

"Usahawan Malaysia dan Brazil boleh bekerjasama dalam pelbagai bidang baru seperti teknologi maklumat, bioteknologi, teknologi angkasa, penerbangan, penjana tenaga hidro dan penyelidikan dalam bidang pertanian.

"Kami percaya kedua-dua negara dapat memperoleh pelbagai keuntungan daripada kerjasama ekonomi dan teknologi yang lebih rapat ini," katanya pada majlis makan tengah hari yang diberikan Presiden Brazil, Luiz Inacio Lula da Silva, di Istana Itamaraty, di sini.

Dr Mahathir kini dalam rangka lawatan rasmi dua hari ke sini dan Sao Paulo atas jemputan Presiden Lula. Ini adalah kunjungan ketiga beliau ke Brazil.

Lawatan rasmi pertamanya pada 1991 dan kedua ketika menghadiri Sidang Kemuncak Rio pada 1992.

Lawatan kali ini turut disertai Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Menteri Luar, Datuk Dr Leo Michael Toyad dan Timbalan Ketua Setiausaha I Kementerian Luar, Datuk Abd Aziz Mohammed.

Perdana Menteri tiba di sini lewat petang kelmarin dari Manaus, pusat percutian hutan tropika di Amazon.

Malam kelmarin, Perdana Menteri dan rombongan menghadiri jamuan yang diberikan oleh Duta Malaysia ke Brazil, Tai Kat Meng.

Dr Mahathir berkata, Brazil kekal sebagai rakan dagang Malaysia yang terbesar di Amerika Selatan dengan dagangan dua hala menunjukkan peningkatan daripada AS\$514 juta (RM1.95 bilion) pada 2001 kepada AS\$639 juta (RM2.43 bilion) tahun lalu.

"Bagaimanapun, jumlah itu masih kecil dan saya berharap lawatan saya ini dapat menggalakkan lagi aliran perdagangan dan pelaburan lebih besar antara kedua-dua negara," katanya.

Perdana Menteri turut berpuas hati dengan pencapaian Majlis Perniagaan Malaysia-Brazil yang ditubuhkan dua tahun lalu berikutan penyertaan banyak syarikat besar Brazil, termasuk syarikat pengeluar pesawat, Embraer dan syarikat pembekal senjata dan peralatan ketenteraan, Avibras Aeroespacial.

Beliau juga memuji dasar pemurah seperti program Kelaparan Sifar dan pelbagai projek yang dilaksanakan Presiden Lula sejak dilantik menerajui kerajaan pada 1 Januari lalu serta berharap segala usaha yang dirancang akan berjaya.

Perdana Menteri juga mahu kedua-dua negara dapat meneruskan program

kunjungan di peringkat tinggi, selain menggalakkan kerjasama lebih intensif membabitkan rakyat, khususnya pemimpin kerajaan dan perniagaan, saintis, ahli sukan serta belia.

Mengenai keadaan tidak menentu di Timur Tengah membabitkan ancaman perang terhadap Iraq, Dr Mahathir percaya tindakan sepihak dalam menangani

sesuatu isu hanya akan menjejaskan keamanan dan keselamatan antarabangsa.

"Kami yakin sebarang masalah perlu diselesaikan secara aman di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan tidak ada sebuah negara

pun yang perlu memilih jalan peperangan," katanya.

Terdahulu, Perdana Menteri diberikan sambutan rasmi penuh istiadat di Pejabat Presiden di Palacio do Planalto, sebelum mengadakan pertemuan dengan Presiden Lula dan diikuti mesyuarat membabitkan delegasi kedua-dua

negara.

Esok, Dr Mahathir dan rombongan akan melawat syarikat Embraer dan Avibras Aeroespacial, kedua-dua di San Jose, dekat Sao Paulo.